

13/10/2001

Bantuan untuk bekas tentera

KUMPULAN Halim Mazmin, menerusi Langkawi Sea Farms Sdn Bhd (Langkawi Sea Farm), berhasrat memberikan panduan teknikal dan bantuan yang perlu kepada bekas tentera menceburi bidang akuakultur.

Cadangan itu termaktub dalam memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai di antara Langkawi Sea Farm, wakil bekas tentera dan Persatuan Nelayan Kawasan Kilim di Langkawi.

MoU itu dimeterai di hadapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Pertanian, Datuk Mohd Effendi Norwawi di Awana Porto Malai, iaitu pusat bagi segmen maritim Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa 2001 (Lima '01) di sini, semalam.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan selepas majlis itu, melalui program berkenaan, bekas tentera yang dipilih berpeluang mempelajari asas dan teknik akuakultur seperti membiak, memberi makanan dan menangkap ikan dari sangkar di laut terbuka.

(END)